

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (17)

8 Februari 2018
22 Jamadilawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2018

PEMAKAIAN PROGRAM PERKHIDMATAN UTM AMAL BAKTI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 25 bertarikh 21 November 2017 telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Perkhidmatan UTM Amal Bakti di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).


2. Program Perkhidmatan UTM Amal Bakti adalah cadangan baharu yang diwujudkan bagi mempelbagaikan pelaksanaan pelantikan di UTM. Pelantikan tersebut bertujuan memberi peluang kepada pesara UTM yang ingin meneruskan sumbang bakti kepada UTM secara sukarela dan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa imbuhan. Program ini terbuka kepada pesara Akademik, Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana UTM.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pelaksanaan Program Perkhidmatan UTM Amal Bakti ini dan maklumat lanjut berhubung program ini boleh dirujuk ke Seksyen Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar atau pun ke Pegawai Sumber Manusia di Fakulti/Bahagian.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

...2/-

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah